



# KENYATAAN MEDIA

## Media Release

Untuk siaran segera

### BULAN PERKHIDMATAN PEMBAYAR CUKAI (BPPC) 2012 DITERUSKAN SEHINGGA 30 JUN 2012

1. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa Program Bulan Perkhidmatan Pembayar Cukai 2012 (BPPC 2012) untuk sesi kedua akan diteruskan mulai 1 Jun sehingga 30 Jun 2012. BPPC sesi kedua ini memberikan penumpuan kepada **pembayar individu cukai yang mempunyai pendapatan daripada punca perniagaan**.
2. Pembayar cukai dalam kategori ini perlu mengemukakan Borang B Tahun Taksiran 2011 mereka serta menjelaskan sebarang amaun cukai yang kena dibayar sebelum atau pada 30 Jun 2012 bagi mengelakkan penalti lewat hantar borang nyata dan penalti lewat bayar cukai dikenakan ke atas mereka.
3. Bagi memudahkan pembayar cukai melaksanakan tanggungjawab mereka menghantar borang nyata dan membayar cukai pendapatan, **kaunter perkhidmatan e-Filing dan e-Bayaran (kaedah bayaran cukai secara dalam talian)** akan dibuka di semua 36 Cawangan LHDNM di seluruh negara. Pembayar cukai juga boleh menggunakan perkhidmatan e-filing dan e-Bayaran melalui capaian terus ke laman web rasmi seperti berikut:

Perkhidmatan Elektronik	Alamat URL
e-Filing	<a href="https://e.hasil.gov.my">https://e.hasil.gov.my</a>
e-Bayaran	<a href="https://epayment.hasil.gov.my">https://epayment.hasil.gov.my</a>
Atau boleh juga melalui capaian di laman web rasmi LHDNM <a href="http://www.hasil.gov.my">www.hasil.gov.my</a>	

4. **Pembayar cukai yang belum pernah menggunakan kaedah e-Filing** sebelum ini perlu memohon nombor pin e-Filing terlebih dahulu melalui e-mel [pin@hasil.gov.my](mailto:pin@hasil.gov.my) atau menghubungi talian **1-300-88-3010**. Manakala pengguna e-Filing yang **terlupa kata laluan e-Filing** mereka boleh set semula (reset) kata laluan tersebut dengan mengikuti langkah-langkah berikut:
- 4.1 Klik butang ‘ezHASiL’ pada Laman web [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my);
- 4.2 Klik butang ‘e-Filing’;
- 4.3 Klik butang ‘Terlupa Kata Laluan’;
- 4.4 Taip nombor kad pengenalan dan klik ‘Hantar’;
- 4.5 Masukkan alamat e-mel anda yang berdaftar dengan LHDNM dan klik ‘Hantar’;
- 4.6 Sekiranya anda masih ingat jawapan kepada Petunjuk Kata Laluan e-Filing anda, klik pada ruangan yang disediakan dan masukkan semua butiran yang diperlukan dan klik ‘Hantar’;
- 4.7 Login e-Borang
- 4.8 Lengkapkan Borang e-B dan ‘Hantar’.
5. Sekiranya pengguna e-Filing terlupa petunjuk kata laluan, mereka dinasihatkan untuk menghubungi talian bantuan e-Filing di 03-4289 3535 (panggilan tempatan) dan +603-4289 3500 (panggilan antarabangsa) atau 1-300-88-3010 (Pusat Khidmat Pelanggan).

**SEKIAN, TERIMA KASIH**

# # #

<b>Dikeluarkan oleh</b>	:	<b>Masrun bin Maslim</b> <b>Pegawai Perhubungan Awam</b> <b>Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia</b>
<b>Tarikh</b>	:	<b>30 Mei 2012</b>
<b>Nombor Telefon</b>	:	<b>03-8313 8888 samb: 21326 / 21327</b>
<b>Nombor Faks</b>	:	<b>03-8313 7836</b>
<b>Pusat Khidmat Pelanggan</b>	:	<b>1-300-88-3010</b> <a href="http://www.hasil.gov.my">www.hasil.gov.my</a>